

Sauk: Pihak dakwa

Oleh Mohd Fuad Razali

BH 24 JUL 2000

KUALA LUMPUR, Ahad - Pihak berkuasa sudah memulakan siasatan terhadap pihak yang mendakwa rompak senjata di kern tentera di Grik dan peristiwa di Sauk ekoran kejadian itu, adalah sandiwara yang dirancang Umno.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Dr Rais Yatim, berkata siasa-

tan itu bertujuan mendapatkan bukti daripada pihak yang membuat dakwaan sedemikian.

"Proses ini sedang berjalan kerana kita sudah memberi amaran yang cukup kepada mereka.

"Sama ada kita akan mengambil tindakan menggunakan Akta Hantaran, Akta Jenayah atau yang lain, terpujang ke-

pada Peguam Negara. Apabila tiba masanya Peguam Negara akan bertindak," katanya kepada pemberita selepas merasmikan Larian Siberton 2000 Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Seri Ampang, hari ini.

Khamis lalu, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad memberi amaran, kerajaan tidak akan teragak-agak

menggunakan Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA) terhadap mereka yang menyebarkan fitnah, menghasut dan mendakwa kononnya peristiwa Sauk satu sandiwara.

Perdana Menteri berkata, dakwaan kononnya tindakan terhadap kumpulan Perguruan Persaudaraan Ilmu Dalam Al-Ma'unah Malaysia (Al-

sandiwara disiasat

Ma'unah) sebagai satu lakonan Umno, tentera dan polis itu, boleh mencetuskan huru-hara yang mengancam keselamatan negara.

Rais berkata, masyarakat tidak boleh mempermainkan-main-mainkan isu yang membabitkan nyawa seperti kejadian di Grik dan Sauk itu.

Sehubungan itu, kata-

nya, kerajaan perlu memberi amaran dan mengambil tindakan terhadap mereka yang mendakwa ia adalah sandiwara kerana ia boleh dikira sebagai hasutan serta boleh menjejaskan perpaduan negara.

Beliau berkata, Akta Hantaran boleh dikenakan kepada mana-mana pihak yang mencetuskan rasa

benci dan perpecahan.

"Mungkin juga mereka bertujuan menguji kerajaan. Insyallah kita akan bertindak dan orang yang berbuat demikian mesti bertanggungjawab terhadap apa yang dikata dan dibuat.

"Tambahan pula, negara ini mempunyai masyarakat majmuk dan tidak boleh mempermainkan

sentimen mengikut selera politik. Saya adalah antara orang yang mencadangkan supaya agama tidak dipolitikkan dan dipermainkan hingga masyarakat berpecah.

"Jika ini berlaku, tindakan undang-undang perlu dikenakan. Jika tidak, kita dianggap cuai dalam menjalankan tugas," katanya.